

**BN nafi ahli strategi bilik perang gagal  
Malaysian Insider  
May 15, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Mei — Barisan Nasional (BN) telah menafikan dakwaan ahli strategi bilik perang mereka atau war room gagal untuk mencapai sasaran gabungan tersebut dalam Pilihan Raya 2013, menegaskan mereka masih lagi menang secara keseluruhan di Putrajaya.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Setiausaha Agung BN Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, tuduhan tersebut dilemparkan oleh "mereka yang tidak bertanggungjawab" dan tidak berada dalam jawatankuasa war room.

"Saya merasa kesal dengan pelbagai tohmahan yang dilemparkan kepada BN selepas berjaya mengekalkan mandat sebagai kerajaan Persekutuan," katanya dipetik dari akhbar berbahasa Melayu itu hari ini.

"Segala aktiviti dan pelaksanaan tugas yang dilakukan dalam bilik tersebut adalah bersifat rahsia dengan perbincangan dalaman dilakukan secara telus dan tepat."

Tengku Adnan (gambar) merespon kepada kenyataan Ketua Penerangan Perkasa, Ruslan Kasim yang mengatakan ahli strategi war room gagal memenangi hati pengundi.

Pemimpin pertubuhan Melayu itu juga mengatakan BN gagal menangkis fitnah dan menjawab segala tuduhan pembangkang terutama yang disebar menerusi media sosial.

Akan tetapi Tengku Adnan menegaskan selain kekal di Putrajaya, BN turut mendapat sokongan padu daripada rakyat dengan mengembalikan kuasa pentadbiran di Kedah dan Perak, yang mereka hilang semasa Pilihan Raya 2008 di tangan Pakatan Rakyat (PR).

Ahli Parlimen Putrajaya itu menegaskan, semua data dan maklumat yang dikeluarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab tersebut adalah tidak benar dan pihaknya menafikan semua tuduhan-tuduhan itu.

"BN sentiasa mendukung sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan dan yakin bahawa Pilihan Raya Umum Ke-13 lalu berlangsung dengan sempurna.

"Kita BN juga tidak akan mengkhianati rakyat sebaliknya, melakukan pelaksanaan sebagaimana perancangan dalam Aku Janji pilihan raya," katanya.

The Malaysian Insider melaporkan semalam persoalan timbul mengenai ahli strategi "bilik perang" BN yang menggunakan jumlah dana besar akan tetapi gagal untuk menghentikan gabungan pemerintah itu daripada kalah lebih banyak kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam pilihan raya 5 Mei lalu.

Bilik perang BN ditugaskan untuk memilih calon dan memberikan beberapa nasihat tentang strategi untuk menang pilihan raya. Selain daripada Tengku Adnan, diantara ahli bilik perang BN termasuklah ahli Parlimen Rompin Datuk Seri Jamaluddin Jarjis, pengerusi PWTC Datuk Seri Alies Anor Abdul, ketua penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan dan bekas menteri Datuk Seri Idris Jusoh sebagai sebahagian daripada ahlinya.

"Ianya tidak berguna. Idea mereka tidak menjadi dan jangkauan senarai putih mereka salah," kata seorang ketua bahagian Umno kepada The Malaysian Insider dengan syarat namanya tidak disiarkan.

Bilik perang meramalkan BN akan menang diantara 145 hingga 150 kerusi Parlimen dan akan merampas kembali Selangor dalam Pilihan Raya 2013 walaupun sesetengah pemimpin kanan BN meragui angka itu.

Pada tengah hari mengundi, bilik perang mengeluarkan "senarai putih" 118 kerusi dijamin menang akan tetapi sesetengahnya seperti Pasir Mas, Shah Alam dan Lembah Pantai kalah, dimana sebahagian ketua bahagian Umno mengatakan terdapat jurang diantara kepimpinan dengan akar umbi.

"Budak poster" Zulkifli Noordin. — Gambar failThe Malaysian Insider difahamkan, Jamaluddin adalah dibelakang tindakan BN meletakkan Naib Presiden Perkasa Datuk Zulkifli Noordin sebagai calon langsung mereka di Shah Alam walaupun Zulkifli pernah mengeluarkan kenyataan menghina kaum India dan agama Hindu.

Difahamkan juga Jamaluddin merasakan pencalonan Zulkifli tidak akan menimbulkan banyak masalah oleh kerana beliau telah memohon maaf kepada masyarakat India dan mendakwa kenyataan itu dibuat semasa masih bersama PAS.

Akan tetapi sumber mengatakan ahli strategi itu tidak merasakan langkah Umno meletakkan Zulkifli sebagai "budak poster" adalah satu tindakan melambangkan parti itu tidak sensitif kepada bukan Melayu.

PR gagal merampas Putrajaya pada pilihan raya 5 Mei minggu lepas dengan majoriti kecil, mendapat 89 kerusi Parlimen berbanding BN 133, lebih tujuh kerusi berbanding dengan apa yang mereka perolehi pada Pilihan Raya 2008.

Akan tetapi gabungan pembangkang itu mengadu ditipu apabila keputusan keseluruhan gagal untuk mencerminkan trend undi popular, menyaksikan PR mendapat 51 peratus berbanding BN 48 peratus, keputusan yang mereka dipersalahkan atas amalan persempadanan semula kawasan pilihan raya dan penipuan undi oleh musuh-musuh politik mereka.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-nafi-ahli-strategi-bilik-perang-gagal/>